**KENYATAAN MEDIA**
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (17 FEBRUARI 2023)** – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalu-alukan keputusan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang menyatakan kanak-kanak di depot imigresen akan ditempatkan di bawah jagaan organisasi bukan kerajaan yang khusus menjaga kebajikan kanak-kanak.

Keputusan itu selaras dengan saranan SUHAKAM kepada Kerajaan untuk melaksanakan Alternatif kepada Tahanan (ATD) bagi kanak-kanak di depot imigresen. SUHAKAM berharap dengan pengumuman ini, pihak penguatkuasa akan memastikan bahawa kanak-kanak tidak akan ditempatkan di depot imigresen lagi selepas ini.

Sebagai penandatangan kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan penahanan kanak-kanak adalah sebagai langkah terakhir, terutamanya apabila mereka ditahan bersama ibu bapa atau penjaga mereka kerana kesalahan imigresen.

SUHAKAM secara konsisten menyuarakan kebimbangan mengenai penahanan kanak-kanak di depot tahanan imigresen, di mana pihak berkuasa perlu memastikan kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak terpelihara. Adalah amat penting untuk kanak-kanak tidak mengalami trauma atau menghadapi bahaya semasa proses pemindahan.

SUHAKAM akan terus memantau pelaksanaan ATD serta menyokong hak dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. SUHAKAM juga berharap Kerajaan akan terus konsisten dalam menegakkan kesejahteraan kanak-kanak tanpa mengira status imigresen mereka.

**-TAMAT-**

**Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad**
**Pengerusi**
**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**17 Februari 2023**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Cik Noor Fatinullah Othman melalui 0326125680/016-5222312 atau fatin@suhakam.org.my*